

TARIKH	24 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	Nasional

5,000 ucapan kasih ibu, guru

» Ahli Kelab TaHa sertai peraduan cipta ucapan kreatif

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bharian.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kira-kira 5,000 penyertaan diterima bagi peraduan Selamat Hari Guru dan Sayang Ibu Sayang Ayah anjuran Kelab TaHa dan Berita Harian (BH).

Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali berkata, peraduan itu yang bermula sejak April sehingga Mei lalu itu khas dibuka penyertaannya kepada seramai 1.07 juta ahli Kelab TaHa yang sudah mendaftar.

Beliau berkata, peraduan Selamat Hari Guru dan Sayang Ibu Sayang Ayah itu bertujuan memberi peluang kepada ahli Kelab TaHa untuk menyampaikan kad ucapan kepada ibu bapa dan guru mereka me-



Dari kiri, Mohd Ridzuan; Kamarudin; Salmah Hanim dan Noor Azmima pada majlis pemilihan pemenang di Bangunan Tabung Haji, Kuala Lumpur, semalam. [FOTO ADI SAFRI/BH]

ngikut hasil kreativiti masing-masing.

Generasi muda

“Peraduan ini adalah inisiatif pihak Tabung Haji melalui Kelab TaHa dalam usaha melahirkan generasi muda yang bijak dan pada masa sama berdaya saing apabila me-

nyertai pertandingan kreatif sebegini.

“Selain hadiah individu, lima sekolah akan turut menerima wang tunai RM500 serta sijil kerana menghantar penyertaan terbanyak,” katanya pada majlis pemilihan pemenang bagi kedua-dua peraduan itu di Bangunan Tabung

Haji, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengurus Besar, Bahagian Simpanan dan Pengeluaran, Mohd Ridzuan Wahi, Pengurus kanan, Bahagian Khidmat Pelanggan, Noor Azmima Ismail dan Pengurus Kanan Jualan Korporat The New Straits Times Press (NS-TP), Salmah Hanim Hares.